



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU BESAR DAN GURU TERHADAP PENCAPAIAN
OBJEKTIF KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH DI
KALANGAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN**

GUNASEGARAN A/L KARUPPANNAN

FPP 2003 22

SAN ANOZYKA

**PERSEPSI GURU BESAR DAN GURU TERHADAP PENCAPAIAN
OBJEKTIF KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH DI
KALANGAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN**

Oleh

GUNASEGARAN A/L KARUPPANNAN

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Oktober 2003



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PERSEPSI GURU BESAR DAN GURU TERHADAP PENCAPAIAN
OBJEKTIF KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH DI
KALANGAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN**

Oleh

GUNASEGARAN A/L KARUPPANNAN

Oktober 2003

Pengerusi : Profesor Madya Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pendidikan khas merupakan pendidikan yang disediakan untuk pelajar yang bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran melalui sekolah khas, program inklusif dan program percantuman. Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pelajar bermasalah pendengaran dalam program percantuman pendidikan khas amat tidak memuaskan. Oleh kerana pelajar bermasalah pendengaran di sekolah rendah mengikuti Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), maka dalam kajian ini objektif KBSR telah digunakan sebagai asas untuk melihat kelemahan pencapaian akademik pelajar. Pencapaian objektif KBSR ini dilihat daripada persepsi Guru Besar dan guru pendidikan khas terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, suasana tugas, komitmen terhadap tugas, dan kesesuaian kemudahan yang disediakan. Suasana tugas dilihat dari aspek pengiktirafan yang diterima oleh guru,

sokongan yang diterima oleh guru, perhubungan guru dengan pihak sekolah dan ibu bapa, penglibatan murid, penglibatan ibu bapa dan kemahiran menggunakan bahasa isyarat. Di bawah aspek kesesuaian kemudahan pula dikaji faktor prasarana, kesesuaian bahan bantu mengajar dan peruntukan kewangan. Kajian ini merupakan reka bentuk deskriptif-korelasi yang dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang dijawab oleh Guru Besar dan guru pendidikan khas. Hasil kajian menunjukkan, Guru Besar dan guru pendidikan khas mempunyai persepsi bahawa objektif KBSR tercapai di kalangan pelajar bermasalah pendengaran dan mereka juga mempunyai persepsi bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan baik. Sementara itu, guru pendidikan khas mempunyai persepsi bahawa mereka tidak menerima pengiktirafan yang cukup dalam program percantuman dan juga mereka tidak menerima sokongan daripada guru normal dalam menjalankan tugas. Berdasarkan persepsi guru pendidikan khas didapati bahawa perhubungan mereka dengan pihak pentadbir, guru normal, pelajar normal dan ibu bapa adalah baik. Daripada aspek penglibatan murid pula didapati guru pendidikan khas mempunyai persepsi pada tahap sederhana bahawa murid mengikut arahan, berminat untuk belajar dan mahu menggunakan alat bantu pendengaran. Ibu bapa pula didapati tidak menunjukkan minat dalam pelajaran anak mereka dan juga tidak melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam aktiviti sekolah. Selain itu, didapati guru pendidikan

khas dan pelajar hanya mahir pada tahap sederhana dalam bahasa isyarat. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan guru pendidikan khas komited terhadap tugas mereka. Guru pendidikan khas juga mempunyai persepsi bahawa kesesuaian kemudahan yang disediakan iaitu dari aspek prasarana, bahan bantu mengajar dan peruntukan hanya berada pada tahap sederhana. Kajian juga menunjukkan guru pendidikan khas yang mengkhusus dalam bidang masalah pendengaran lebih komited dan dapat menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Selain itu, didapati terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman guru pendidikan khas dengan kesemua pemboleh ubah bebas yang dikaji. Akhir sekali kajian menyimpulkan bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran, pengiktirafan dan kemahiran dalam bahasa isyarat menjadi peramal dalam menentukan pencapaian objektif KBSR.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE PERCEPTION OF HEADMASTER AND TEACHERS TOWARDS
THE ACHIEVEMENT OF THE INTERGRATED CURRICULUM FOR
PRIMARY SCHOOL'S OBJECTIVE BY THE HEARING IMPAIRED
PUPILS**

By

GUNASEGARAN A/L KARUPPANNAN

October 2003

Chairman : Associate Professor Zaidatul Akmaliah Lope Pihie Ph.D.

Faculty : Educational Studies

Special Education is an education for children with special needs. The hearing impaired, visual impaired and learning disabilities are included in this program through special school, inclusive program and integration program. The results of the UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) of the hearing impaired students in integration programs show dissatisfaction. As these hearing impaired students in primary schools follow the Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), the objectives of KBSR has been based to look upon the academic achievement of the students. The achievement of KBSR objective has been studied based on the perceptions of headmasters and special education teachers from the aspects of the process of teaching and learning, work environment, work commitment and facilities that are provided. Work environment has

been studied from the aspect of acknowledgement, support, relationship with school and parents, student's involvement, parent's involvement and the efficiency of sign language. Under the aspect of facilities, factors that are studied involve environment, the suitability of teaching aid and financial aid. This is a correlational-descriptive study, which was carried out by using the questionnaire method, answered by headmasters and teachers. Results show that headmasters and teachers conducting the integration program for the hearing impaired have perceptions that the KBSR objectives had been achieved by the hearing impaired pupils and the teaching and learning process is being carried on well. Meanwhile according to the teachers' perception, their work is not well acknowledged and they do not get the support from the normal teachers. According to the teachers' perception too the relationship between them and the administrators, normal teachers, normal students and parents are good. From the student's aspect, the study shows that teachers' perception are at a moderate level that the students follow orders, interested in studies and use the hearing aids. Parents too do not show interest in their children's studies and they also do not participate in the school activities. While it was also found that teachers and students have mastered the sign language only at a moderate level. However the study shows that the special education teachers are committed to their work. The teachers too have a perception that the facilities provided for the integration program which was studied from the aspect of environment,

teaching aids and financial support are also at a moderate level. While the teachers who specialize in deaf education are more committed and could conduct the teaching and learning process well. Apart from that, the study too shows that there is a significant relationship between the teachers experience with all the independent variables studied. Finally this study shows that the teaching and learning process, acknowledgement and skills in sign language are the predictors of achievement of KBSR objectives.

PENGHARGAAN

Saya mendahului dengan bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya, segala usaha untuk menjadikan tesis ini sebagai suatu bahan ilmiah berjalan dengan lancar. Dengan rasa penuh kesyukuran dan rendah diri, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie selaku pengerusi penyeliaan tesis saya atas nasihat, tunjuk ajar dan ilmu yang saya peroleh. Tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatan Kuasa penyeliaan tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa dan Dr. Foo Say Fooi yang memberi nasihat serta bimbingan yang tidak ternilai sehingga kajian ini dapat dihasilkan dengan sebaik mungkin.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menawarkan biasiswa dalam bentuk cuti belajar bergaji penuh bagi saya menamatkan pengajian ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua Guru Besar dan guru pendidikan khas yang telah menjadi responden dalam kajian ini kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih saya kepada semua kakitangan di Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit

Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang terlibat dalam memberi maklumat-maklumat yang diperlukan.

Penghargaan ini juga istimewa buat isteri tersayang Ananthi Kuppusamy yang sentiasa memberikan sokongan moral serta bersabar dengan kerenah saya sepanjang pengajian ini. Tidak dilupakan juga buat mendiang bapa saya En. Karuppannan PPN, yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam bidang akademik. Pada masa yang sama, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada ibu serta mertua dan ahli-ahli keluarga yang lain atas doa, semangat dan kasih sayang yang mengiringi saya sepanjang pengajian ini.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Inderbir Kaur, Dr. Jamil Ahmad, En. Razali Ayob, saudara Sivakumar Thannimalay dan saudara Vijayan Gopal atas segala bantuan yang diberikan oleh mereka tanpa mengira masa. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah membantu saya dalam melengkapkan tesis ini dan saya doakan agar mereka sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat.

Saya Yang Terhutang Budi,

(GUNASEGARAN A/L KARUPPANNAN)
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia.



JADUAL KANDUNGAN

		Muka Surat
ABSTRAK		ii
ABSTRACT		v
PENGHARGAAN		vii
PENGESAHAN		x
PENGAKUAN		xii
SENARAI JADUAL		xvii
SENARAI RAJAH		xx
BAB		
I	PENGENALAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pelaksanaan Program Percantuman	5
	Penyataan Masalah	19
	Objektif Kajian	22
	Soalan Kajian	23
	Kepentingan Kajian	26
	Batasan Kajian	28
	Definisi Operasional	30
	Pendidikan Khas	30
	Program Percantuman	31
	Guru Pendidikan Khas	32
	Pelajar Bermasalah Pendengaran	32
	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah	33
	Pengiktirafan	34
	Sokongan	34
	Perhubungan	35
	Penglibatan Ibu Bapa	35
	Penglibatan Murid	36
	Bahasa Isyarat (Kod Tangan Bahasa Melayu)	36
	Komitmen	37
	Prasarana	37
	Bahan Bantu Mengajar	38
	Peruntukan Kewangan	38
II	SOROTAN LITERATUR	40
	Pendahuluan	40
	Definisi Pendidikan Khas	40
	Perkembangan Pendidikan Khas	44

Perkembangan Pendidikan Khas Di Malaysia	47
Program-Program Pendidikan Khas	59
Program Percantuman	60
Program Percantuman Di Malaysia	64
Program Inklusif	70
Program Sekolah Khas	73
Sistem Kemasukan Ke Pendidikan Khas Di Malaysia	75
Definisi Masalah Pendengaran	79
Teori Pengurusan Untuk Mengurus Pendidikan Khas	86
Teori Pengurusan Sistem Sosial	87
Teori Pengurusan Site-Based	90
Teori Pengurusan Matrix	93
Teori Kepemimpinan Heller dan Firestone	95
Model-model Pendidikan Khas	97
Model Perubatan	99
Model Perkembangan	100
Model Tingkah Laku	101
Model Kognitif	102
Model Humanistik	103
Model Ekologi	104
Kerangka Model Billingsley	105
Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	112
Suasana Tugas	126
Pengiktirafan	126
Sokongan	128
Perhubungan	131
Penglibatan Murid	133
Penglibatan Ibu Bapa	135
Kemahiran Bahasa Isyarat	137
Komitmen	140
Kemudahan	143
Prasarana	143
Bahan Bantu Mengajar	147
Kewangan	151
Demografi	156
Objektif KBSR Berpandukan FPN dan FPK	158
Falsafah Pendidikan Negara	160
Falsafah Pendidikan Khas	166
III METHODOLOGI	184
Pendahuluan	184
Rekabentuk Kajian	185
Kerangka Konseptual Kajian	186
Populasi	189
Sampel	191
Instrumentasi	193

Penggubalan Soal selidik	194
Kesahan	197
Kebolehpercayaan	198
Kajian Rintis	199
Pengumpulan Data	201
Analisis Data	202
Analisis Statistik Deskriptif	203
Penggunaan Ujian-t	204
Analisis Varians	205
Ujian Pos Hoc Scheffe	205
Analisis Pekali Korelasi	206
Regresi Berganda	207
IV DAPATAN KAJIAN	209
Pendahuluan	209
Profil Responden Kajian	210
Guru Pendidikan Khas	210
Guru Besar	213
Persepsi Guru Besar Terhadap Pencapaian Objektif KBSR	215
Persepsi Guru Terhadap Pencapaian Objektif KBSR	218
Persepsi Guru Besar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	221
Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	223
Perbezaan Persepsi Antara Guru Besar dan Guru Terhadap Pencapaian Objektif KBSR	226
Perbezaan Persepsi Di antara Guru Besar dan Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	226
Persepsi Guru Terhadap Suasana Tugas	227
Pengiktirafan	228
Sokongan	229
Perhubungan	231
Penglibatan Murid	232
Penglibatan Ibu Bapa	233
Kemahiran Bahasa Isyarat	235
Komitmen Guru Pendidikan Khas	237
Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Kemudahan	239
Prasarana	240
Bahan Bantu Mengajar	241
Peruntukan Kewangan	243
Hubungan Antara Pengalaman Guru Dengan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran, Suasana Tugas, Komitmen Dan Tahap Kemudahan	244
Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Pengkhususan.	246

Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Suasana Tugas Berdasarkan Pengkhususan.	248
Perbezaan Komitmen Guru Pendidikan Khas Berdasarkan Pengkhususan.	249
Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Kemudahan Berdasarkan Pengkhususan.	250
Perbezaan Persepsi Guru Yang Berkursus Atau Tidak Terhadap Pelaksanaan P & P.	251
Perbezaan Persepsi Guru Yang Berkursus Atau Tidak Terhadap Suasana Tugas.	252
Perbezaan Komitmen Guru Pend. Khas Berdasarkan Berkursus Atau Tidak	253
Perbezaan Persepsi Guru Yang Berkursus Atau Tidak Terhadap Tahap Kemudahan.	254
Hubungan Antara Pelaksanaan P & P Dengan Pencapaian Objektif KBSR mengikut Persepsi Guru Besar.	255
Hubungan Di antara Pelaksanaan P & P, Suasana Tugas, Komitmen dan Tahap Kemudahan Dengan Pencapaian Objektif.	256
Faktor Yang Menjadi Peramal dalam Pencapaian Objektif KBSR.	258
V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	263
Pendahuluan	263
Rumusan	264
Perbincangan.	270
Objektif Kajian Pertama	270
Objektif Kajian Kedua	274
Objektif Kajian Ketiga	288
Objektif Kajian Keempat	297
Objektif Kajian Kelima	300
Implikasi Dapatan Kajian	303
Cadangan	306
Cadangan Kajian Lanjutan	307
BIBLIOGRAFI	309
LAMPIRAN	323
BIODATA PENULIS	380

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Kadar Purata Perkapita Bagi Seorang Murid Pendidikan Khas	16
2	Bilangan Guru Besar dan Guru Pendidikan Khas dalam Program Percantuman Masalah Pendengaran	190
3	Kaedah Pembentukan Soal-Selidik Mengikut Bahagian dan Bilangan Item	195
4	Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Setiap Bahagian Soal-Selidik	200
5	Interpratasi Data Kuantitatif	204
6	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pemboleh ubah	207
7	Profil Guru Pendidikan Khas yang Menjadi Responden Kajian	212
8	Profil Guru Besar Yang Menjadi Responden Kajian	215
9	Persepsi Guru Besar Terhadap Pencapaian Objektif KBSR	217
10	Persepsi Guru Terhadap Pencapaian Objektif KBSR.	220
11	Persepsi Guru Besar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	222
12	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran	225

13	Ujian-t Bagi Perbezaan Persepsi Pencapaian Objektif KBSR Antara Guru Besar Dengan Guru Pendidikan Khas	226
14	Ujian-t Bagi Perbezaan Persepsi Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Antara Guru Besar Dengan Guru Pendidikan Khas	227
15	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Pengiktirafan.	228
16	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Sokongan.	230
17	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Perhubungan	231
18	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Penglibatan Murid.	233
19	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Penglibatan Ibu Bapa	234
20	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Kemahiran Bahasa Isyarat.	236
21	Komitmen Guru Pendidikan Khas Terhadap Tugas	239
22	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Prasarana	241
23	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Bahan Bantu Mengajar.	243
24	Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Peruntukan Kewangan.	244
25	Korelasi Di antara Umur dan Pengalaman Guru Pendidikan Khas Dengan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran, Suasana Tugas, Komitmen Kemudahan Yang Disediakan.	246

26	ANOVA Menunjukkan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Pengkhususan Guru.	247
27	ANOVA Menunjukkan Perbezaan Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap Suasana Tugas Mengikut Pengkhususan Guru Pendidikan Khas.	248
28	ANOVA Menunjukkan Perbezaan Komitmen Guru Pendidikan Khas Mengikut Pengkhususan Guru Pendidikan Khas	249
29	ANOVA Menunjukkan Perbezaan Persepsi Guru Pendidikan Khas terhadap Kemudahan Mengikut Pengkhususan.	251
30	Ujian-t Bagi Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Persepsi Guru Pendidikan Khas Yang Berkursus Atau Tidak.	252
31	Ujian-t Bagi Suasana Tugas Mengikut Persepsi Guru Pendidikan Khas Yang Berkursus Atau Tidak.	253
32	Ujian-t Bagi Komitmen Pada Tugas Mengikut Guru Pendidikan Khas yang Berkursus Dan Yang Tidak Berkursus.	254
33	Ujian-t Menunjukkan Perbezaan Persepsi Di antara Guru Pendidikan Khas Yang Berkursus dan Yang Tidak Berkursus Terhadap Kemudahan Yang Disediakan.	254
34	Hubungan Antara Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dengan Pencapaian Objektif KBSR Mengikut Persepsi Guru Besar.	255
35	Korelasi Di antara Pencapaian Objektif KBSR Dengan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran, Suasana Tugas, Komitmen dan Kemudahan Yang Disediakan Mengikut Persepsi Guru Pendidikan Khas.	258
36	Analisa Regresi Berganda Bagi Pemboleh Ubah Terpilih Yang Menjadi Peramal Dalam Menentukan Pencapaian Objektif KBSR.	262

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kedudukan Jabatan Pendidikan Khas.	49
2	Struktur Organisasi Jabatan Pendidikan Khas.	58
3	Struktur Pelaksanaan Program Percantuman Pendidikan Khas Di Malaysia	66
4	Carta Aliran Kemasukan Awal Murid Berkeperluan Khas	78
5	Model Sistem Sosial Oleh Getzel Dan Guba.	87
6	Pengaruh Enam Model Dalam Pend. Khas	98
7	Kerangka Kajian Model Billingsley	110
8	Analisa Path Kajian Cross dan Billingsley.	142
9	Kerangka Model Kajian	188

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Pendidikan telah diakui oleh semua sebagai satu unsur terpenting dalam pembangunan tamadun manusia. Perkembangan dalam pelbagai bidang kehidupan yang berlaku di merata tempat dalam dunia dari dahulu hingga sekarang sebenarnya dicetuskan oleh pendidikan. Dalam erti kata lain, pendidikan digunakan sebagai alat untuk menimbulkan kesedaran politik, sosial dan ekonomi. Apabila dilihat pula faedah-faedah yang dinikmati oleh seseorang hasil daripada perkembangan ini, maka pendidikan terus menjadi sesuatu yang amat diperlukan.

Perkembangan dunia hari ini merupakan satu anjakan paradigma yang sangat pantas yang dimula dan sememangnya dicetuskan oleh pendidikan, terutamanya sains dan teknologi. Kini zaman pendidikan ini diberi pelbagai jolokan nama seperti zaman sains dan teknologi, zaman komputer, zaman teknologi maklumat dan sebagainya. Kesimpulannya, dunia ini berada dalam ledakan ilmu.

Walaupun beberapa pengertian diberi, pendidikan tetap bertujuan untuk membentuk manusia supaya menjadi baik dan dapat hidup harmonis dengan dirinya, dengan manusia lain, dengan alam sekeliling dan dengan Tuhannya. Nyata sekali pendidikan itu merujuk kepada sesuatu yang baik dan mempunyai matlamat yang besar iaitu membentuk manusia menjadi insan yang berguna kepada diri dan masyarakat dan bukan untuk memusnahkan apa yang ada (Ibrahim, 1998).

Seperti insan yang normal, populasi yang berkeperluan khas juga mempunyai potensi dan berkebolehan di mana mereka juga boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara. Didapati bahawa populasi berkeperluan khas yang telah menerima pendidikan sepenuhnya, selalunya berjaya dan bekerja bersama-sama dengan rakan-rakan biasa mereka (Noraini, Khalid dan Nor Aishah, 2000).

Mengikut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Khas, Ahmad bin Mohamad Said (Buletin Pendidikan Khas, 1999), semua manusia diwajibkan belajar atau menuntut ilmu kerana ia menjadi pra-syarat untuk membolehkan individu, masyarakat dan negara dapat melalui liku-liku hidup dan menghadapi cabaran-cabarannya dengan berkesan dan berjaya. Malahan yang lebih penting lagi ialah untuk membolehkan individu dan seluruh masyarakat memertabatkan harga diri serta maruah bangsa melalui pembinaan

budaya dan tamadun yang murni dan unggul. Justeru, Islam mewajibkan manusia belajar (fardu 'ain dan fardu kifayah) dan Rasulullah s.a.w dalam Hadith menegaskan proses belajar itu adalah sepanjang hayat. Dalam konteks ini UNESCO memperjuangkan "Education for All" (Pendidikan Untuk Semua) dan "Lifelong Education" (Pendidikan Sepanjang Hayat). Manakala Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelajaran (1979) membuat perakuan supaya sistem pendidikan mempertingkatkan kualiti pelajar : 1) dari segi intelek iaitu kecerdasan dan ketangkasan untuk menaksir, berfikir, menganalisis dan sebagainya ; 2) dari segi rohani iaitu kekuatan dalaman dan daya tahanan diri ; dan 3) dari segi jasmani yang merangkumi minat, kecenderungan dan pelbagai kemahiran (Ibrahim, 1998).

Setiausaha Negara bagi Pendidikan Britain, iaitu David Blunkett (beliau seorang buta), mengatakan bahawa pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas merupakan cabaran yang utama bagi negara (Ahmad, 2000). Pendidikan adalah mustahak bagi pembentukan suatu masyarakat yang sepenuhnya inklusif, iaitu suatu masyarakat di mana semuanya melihat diri mereka dihargai kerana sumbangan yang diberikan. Masyarakat berhutang dengan semua kanak-kanak tanpa mengira keperluan-keperluan tertentu dan hendaklah memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan seluruh potensi, menyumbang dari segi ekonomi, dan memainkan peranan yang sepenuhnya sebagai warganegara yang aktif.